

قلیتا بهاس

PELITA BAHASA

W A D A H K E S E M P U R N A A N B A H A S A



PENGARUH RUMI
TERHADAP
PERKEMBANGAN

Ejaan Jawi

BIL. 7 2017

Semenanjung Malaysia	: RM4.50
Sabah/Sarawak	: RM5.00
Brunei Darussalam	: B\$4.50
Singapura	: S\$4.50



KK 499-90829-0717
ISSN 0128-2182



07

9 770128 218182





JILID 29 BIL. 7 2017 KK 499-90829-0717 • ISSN 0128-2182

Kandungan

Dunia Bahasa

- 22** Bukan Susah Belajar Bahasa
- Hannah Zulkifli

26 Soal Jawab Bahasa

Berita Bahasa

- 28** SKMM Teruskan Kursus Penulisan Profesional
- Zaidi Ismail

Terampil Bahasa

- 30** Penyuntingan Naskhah untuk Pemahaman Pembaca
- Mohamad Suhaizi Suhaimi

Cemerlang Bahasa

- 34** Kata Umum dan Kata Khusus
- Kho Thong Eng
- 38** Istilah Seni Bina

Sastera dalam Bahasa

- 40** Pergerakan Watak Utama dalam Novel *Silir Daksina*
- Samat Buang

Cerpen

- 46** Di Balik Tertawa Itu
- Nordin Saad

Bijak Bahasa

- 50** Kosa Kata
- 51** Teka Silang Kata
- Wahidi
- 52** Jawapan Kosa Kata
- 53** Jawapan Teka Silang Kata

Simfoni Bahasa

- 54** Gema Bahasa
- Amirah Syazwani
- 55** Aku Hanya Penjual Cerita
- Husna Nazri
- 56** Pantun Peribahasa
- Paridah Ishak



PENYUNTINGAN NASKHAH UNTUK PEMAHAMAN PEMBACA

MOHAMAD SUHAIZI SUHAIMI

Wacana merupakan unit bahasa yang tertinggi dan melebihi batas ayat. Dalam hierarki tatabahasa, wacana merujuk kesatuan bahasa yang lengkap struktur lahiriah dan batiniah serta berbentuk lisan atau tulisan. Namun begitu, dalam peristiwa komunikasi secara lisan pula, wacana berfungsi sebagai proses komunikasi antara penyapa dengan pesapa, manakala dalam komunikasi secara bertulis, wacana berfungsi sebagai hasil daripada pengungkapan idea atau gagasan penyapa.

Sehubungan dengan itu, wacana merupakan aliran tatabahasa yang dapat mengkaji entiti bahasa yang melampaui batas ayat. Kegunaan teks pada konteks dan situasi mampu mengesan maklumat yang terkandung dalam sesuatu wacana atau naskhah. Keteraturan maklumat yang tersusun dan berkesinambungan dalam satu struktur menjelaskan maklumat penting dalam satu wacana yang terdiri daripada semantik, gramatikal dan leksikalnya. Secara umum, kesemua ciri tersebut mampu membentuk tekstur wacana yang lengkap.

Mengikut kamus *Webster*, wacana berasal daripada perkataan bahasa Latin, *discursus* yang dijelaskan maksudnya sebagai hubungan fikiran dengan kata, ekspresi idea, gagasan atau percakapan; hubungan secara umum, terutamanya sebagai subjek kajian atau persoalan utama kajian; dan risalah tulis, disertasi formal, kuliah, ceramah dan khutbah.

Wacana tulis pula merupakan bentuk penyampaian secara bertulis, sama ada secara langsung ataupun tidak langsung. Untuk menerima, memahami atau menikmati wacana tulis, seseorang itu mesti membacanya. Sehubungan dengan itu, wacana tulis sebagai salah satu cabangnya dalam kerangka disiplin linguistik turut menumpukan perhatian kepada kajian tentang hubungan antara ayat dengan konteks yang digunakan.

Hal ini diperkukuh lagi melalui kenyataan bahawa sesuatu wacana bertindak untuk menginterpretasikan makna sesuatu ujaran dengan memerhatikan konteks. Hal ini dikatakan demikian kerana konteks wacana menentukan makna ujaran yang meliputi konteks linguistik dan konteks etnografi. Konteks linguistik berupa rangkaian kata yang mendahului atau mengikuti, sedangkan konteks etnografi berbentuk serangkaian ciri faktor etnografi yang melingkunginya, iaitu faktor budaya masyarakat pemakai bahasa.

Sehubungan dengan itu, komunikasi bertulis dapat difahami sebagai proses penyampaian atau pemindahan maklumat daripada individu kepada individu yang lain. Komunikasi bertulis ini juga merupakan proses

yang mewujudkan kefahaman penerima maklumat tentang mesej yang disampaikan dan kedua-duanya mempunyai kefahaman yang dikongsi bersama. Aktiviti yang berlangsung tersebut menjadi medium interaksi untuk menyampaikan dan menerima maklumat melalui perantaraan bahasa.

Pamusuk Eneste memperincikan bahawa terdapat 12 jenis naskhah yang dinyatakan dalam bukunya yang berjudul *Buku Pintar Penyuntingan Naskhah*, iaitu naskhah pelbagai genre fiksyen, sastera, buku sekolah, bacaan kanak-kanak, perguruan tinggi, muzik, matematik, fizik dan kimia, biologi, kamus, bahan ilmiah, ilmiah popular dan terjemahan.

Sehubungan dengan itu, penyuntingan naskhah

“ Dalam proses penerbitan, terdapat empat pihak utama yang terlibat, iaitu pengarang, penerbit, pencetak dan penjual.

Tugas penerbit memainkan peranan yang paling penting berbanding dengan yang lain. Tambahan pula, tugas penerbit adalah untuk menyampaikan gagasan dan maklumat daripada pengarang kepada pembaca.

”
menjadi jambatan yang menghubungkan penulisan dengan penerbitan. Hal ini bermaksud bahawa aspek penyuntingan memainkan peranan yang penting dalam sesuatu penerbitan dan tanpa penyuntingan yang baik, sesuatu naskhah tidak mampu menggugah keinginan membaca seseorang. Apabila keinginan terhadap naskhah yang baik untuk dibaca dan terhindar daripada kesalahan tidak dapat dipenuhi, maka persepsi terhadap penerbitan tersebut akan berada pada tahap yang rendah.

Dalam proses penerbitan, terdapat empat pihak utama yang terlibat, iaitu pengarang, penerbit, pencetak dan penjual. Tugas penerbit memainkan peranan yang paling penting berbanding dengan yang

lain. Tambahan pula, tugas penerbit adalah untuk menyampaikan gagasan dan maklumat daripada pengarang kepada pembaca. Setelah memperoleh manuskrip yang baik dari segi isi, bahasa dan kandungannya, penerbit akan membantu pengarang dari segi penyuntingan naskah agar lebih berkualiti dan mudah diterima oleh pembaca sasaran.

Hal tersebut jelas menunjukkan bahawa penyuntingan naskah bukan sahaja memiliki peranan yang sangat penting dalam penerbitan, bahkan sebagai tulang belakang penerbit serta bertanggungjawab terhadap mutu penulisan, sama ada dapat difahami oleh pembaca ataupun sebaliknya.

Konteks wacana merupakan gabungan ayat yang digunakan dalam teks dan mempunyai hubungan dengan penyampai dan pembaca. Konteks wacana turut merangkumi teks yang menyertai teks lain. Pengertian hal yang menyertai teks itu meliputi tidak hanya yang dilisankan dan ditulis, tetapi termasuk pula kejadian yang melibatkan aspek bukan lisan bagi keseluruhan teks itu. Bagi menganalisis sesuatu wacana, pendekatan pragmatik harus digunakan untuk memahami pemakaian sesuatu bahasa. Sebagai misalnya, penganalisis wacana haruslah mempertimbangkan penggunaan konteks yang terdapatnya bahagian sesuatu wacana.

Pengguna wacana yang melibatkan penulis atau pembaca dan penutur atau pendengar memiliki hubungan dengan pragmatik. Pragmatik pula berkaitan rapat dengan wacana melalui bahasa dan konteks. Oleh itu, pragmatik dan wacana yang saling berhubungan ini menjadikan konteks wacana sebagai sebab sesuatu teks yang berbentuk novel dan cerpen mampu

memberikan unsur pemahaman terhadap pembaca. Secara jelasnya, konteks wacana tidak melihat ayat itu sebagai ayat atau teks yang berdiri sendiri, tetapi melihat kepaduan makna yang terbentuk dan saling bergantung.

Makna pragmatik turut melihat persekitaran atau konteks sesuatu ujaran diterbitkan dalam sesuatu kegiatan komunikasi. Oleh itu, tanpa pragmatik yang cukup, tidak mungkin sesuatu makna dapat diproses dalam pemikiran penerima sesuatu maklumat. Hanya dengan menggunakan pendekatan pragmatik penginterpretasian makna dapat dilakukan dengan cara yang lebih tepat dan sah. Oleh hal yang demikian, makna pragmatik memang lebih sempurna kerana diinterpretasikan dengan pertimbangan tatabahasa, termasuklah semantik dan sintaksis, serta pertimbangan konteks situasi sehingga makna yang diperoleh ialah makna pertuturan yang sempurna.

Terdapat empat jenis konteks wacana, iaitu rujukan, praanggapan, implikatur dan inferens. Yang berikut ialah penerangan ringkas tentang keempat-empat jenis konteks wacana.

Rujukan

Dalam analisis wacana, rujukan merupakan tindakan yang dilakukan oleh penutur dan penulis. Hal ini diperkuat lagi dengan kenyataan Lyons bahawa "*the relationship which holds between words and things is the relationship of reference: word refer to thing*". Hal ini bermaksud bahawa hubungan antara perkataan dengan objek menghasilkan rujukan terhadap sesuatu perkara. Dalam hal ini, penuturlah yang melakukan rujukan dengan menggunakan beberapa ungkapan



“

Praanggapan terbentuk jika orang yang menyampaikan mesej dan orang yang menerima mesej telah mempunyai hubungan yang rapat dan baik. Semakin akrab hubungan antara penyapa dengan yang disapa, semakin banyak praanggapan yang dibentuk dan menggunakan maksud tersirat.

”

yang sesuai dan pelaku menerapkan ungkapan itu dengan rujukan melalui perbuatan merujuk.

Selain itu, rujukan melibatkan butiran yang tidak boleh ditafsirkan secara tersendiri tanpa membuat ujukan kepada sesuatu unsur lain untuk mendapatkan maksudnya. Rujukan juga melibatkan penggunaan kata ganti nama. Menurut Nik Safiah *et.al*, kata ganti nama dapat dibahagikan kepada dua golongan kecil, iaitu kata ganti nama tunjuk dan kata ganti nama diri. Kata ganti nama tunjuk boleh dibahagikan kepada kata ganti nama tunjuk umum dan tempat. Kata ganti nama diri pula dibahagikan lagi kepada kata ganti nama diri orang yang terdiri daripada kata ganti nama diri orang pertama, kedua dan ketiga.

Praanggapan

Praanggapan merupakan set ayat yang menjadi latar belakang konteks sesuatu ujaran tertentu, seperti yang dinyatakan oleh Brown dan Yule. Oleh itu, set ini terdiri daripada kesemua ayat yang telah dinyatakan dan diterima oleh semua peserta wacana. Stalnaker mendefinisikan praanggapan sebagai sesuatu yang digunakan oleh penutur sebagai pengetahuan bersama bagi para peserta dalam perbualan. Praanggapan terbentuk jika orang yang menyampaikan mesej dan orang yang menerima mesej telah mempunyai hubungan yang rapat dan baik. Semakin akrab hubungan antara penyapa dengan yang disapa, semakin banyak praanggapan yang dibentuk dan menggunakan maksud tersirat.

Implikatur

Menurut Brown dan Yule, implikatur digunakan untuk memperhitungkan apa-apa yang disarankan atau apa-apa yang dimaksud oleh penutur sebagai hal yang berbeza daripada yang dinyatakan secara harfiah. Selain itu, istilah “implikatur” diperkenalkan oleh Grice untuk menduga apa-apa yang diujarkan, dicadangkan, dan dimaksudkan oleh penutur berdasarkan ujaran yang diungkapkan secara literal. Menurutnya, implikatur ialah bentuk pentafsiran makna yang melewati batas makna literal sesebuah ayat. Implikatur juga memberikan maksud mesej yang tersirat dan cuba disampaikan dengan ujaran yang tersurat, seperti yang disebut oleh Carston. Hal ini bermaksud bahawa mesej yang diperoleh merupakan pernyataan yang dideduksikan daripada maklumat yang diperkatakan.

Inferens

Inferens ialah kesimpulan awal yang dilakukan untuk menafsirkan hubungan yang wujud antara sesuatu ujaran oleh sebab pendengar tidak langsung memahami erti yang dimaksudkan oleh penutur ketika mengujarkan sesuatu, kata Brown dan Yule. Selain itu, inferens didefinisikan oleh Gumperz sebagai proses interpretasi yang ditentukan oleh situasi dan konteks percakapan. Melalui inferens, pembaca menduga kemahuan penulis dan akan memberikan tindak balas terhadap maklumat tersebut. Fatimah mengatakan bahawa inferens atau inferensi terjadi apabila proses yang harus dilakukan oleh pendengar atau pembaca untuk memahami makna secara harfiah tidak terdapat pada wacana yang diungkapkan oleh pembicara atau penulis. Oleh itu, pendengar atau pembaca dituntut untuk memahami maklumat yang disampaikan oleh pembicara atau penulis.

Sebagai kesimpulannya, konteks wacana mampu menentukan penafsiran makna kerana dalam wacana, pengertian teks sering ditentukan oleh pengertian teks yang lain. Sehubungan dengan itu, pembahagian teks yang berupa ujaran, perenggan, atau wacana lain, serta keberadaan konteks dalam sesuatu struktur wacana menunjukkan bahawa teks tersebut memiliki struktur yang saling berkaitan. Perkaitan inilah yang menyebabkan sesuatu wacana menjadi utuh dan lengkap. Jelaslah di sini bahawa penerapan konteks wacana berfungsi sebagai alat memahami dan menganalisis sesuatu wacana dan sememangnya menjadi aspek yang penting dalam aktiviti penyuntingan naskhah. **PB**